

SSB terap budaya cekap

Contoh sistem gaji terbaik

BH 14 OCT 1991

Oleh WAN HAMIDI HAMID

KUALA LUMPUR, Ahad — Sistem Saraan Baru (SSB) dan struktur perkhidmatan awam negara yang diumumkan oleh kerajaan semalam akan menjadi contoh sistem gaji dan pentadbiran awam terbaik di rantau ini.

Pelbagai pihak yang mengulas pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenainya semalam, berpendapat ia juga mengambil kira prestasi pekerja dan pertumbuhan ekonomi bagi kenaikan gaji sebagai langkah ke arah memantapkan kecekapan.

Pengarah Eksekutif MEF, Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Encik Zain Majid, berkata pihaknya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mewujudkan sistem itu dalam sektor awam serta menganggap ia kena pada masanya.

"MEF gembira kerana kerajaan mewujudkan sistem ini dalam perkhidmatan awam. Sehubungan itu, kami berharap Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) membuka matanya (terhadap gaji anjal)," katanya.

Presiden Persatuan Pegawai Tadbir Am (Pertam), Encik Abdul Majid Ambri, berkata pelaksanaan untuk memastikan kenaikan gaji dan pangkat kakitangan awam mesti dilakukan secara objektif untuk mengelakkan penyelewengan.

Katanya, penilaian terhadap prestasi kakitangan awam harus dilaksanakan mengikut prinsip dan tidak dipengaruhi sebarang sentimen untuk memastikan ia tidak menjadi 'indah khabar daripada rupa'.

Bekas Ahli Parlimen Bukit Bintang, Encik Lee Lam Thye, berkata kenaikan gaji ditambah beberapa faedah termasuk elaun yang diumumkan semalam adalah munasabah.

"Memang sudah tiba waktunya kakitangan sektor awam menikmati kenaikan gaji kerana ia memang sudah lama ditunggu," katanya.

Bekas Pengerusi Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) Badan Berkanun Pihak Pekerja, Haji Abdul Majid Mohd Ali, pula menganggap SSB akan memberi cabaran kepada kakitangan awam untuk meningkatkan produktiviti mereka setimpal dengan pemberian gaji dan imbuhan kerajaan.

Kira-kira 880,000 kakitangan awam akan menerima kenaikan gaji asas di antara lapan dan 10 peratus mengikut skim tangga gaji baru yang dikenali sebagai Jadual Gaji Matrik (MSS), mulai 1 Januari ini.

Selain itu, mereka juga akan menerima kenaikan gaji lapan peratus berkuatkuasa 1 Januari 1989 hingga 31 Disember 1991 yang dikira berdasarkan gaji pokok termasuk lima peratus yang dibayar mulai 1 Januari lalu.

Di Alor Star, Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff, menyifatkan skim tangga gaji baru untuk kakitangan awam sebagai sistem gaji yang adil dan memberangsangkan kakitangan sektor itu untuk meningkatkan mutu kerja.

Menurutnya, matlamat Wawasan 2020 pula akan dapat dicapai dengan baik apabila semua pihak gigih bekerja, manakala jentera pentadbiran kerajaan juga akan lebih berkesan dalam melaksanakan pelbagai program pembangunan bagi faedah semua pihak.

Beliau juga berharap golongan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan selaras kenaikan gaji di sektor awam.

Di Taiping, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), Haji Salleh Yusuf, bersyukur kerana kerajaan memberi kenaikan gaji kakitangan awam di negara ini.

Sehubungan itu, katanya, kenaikan itu wajar dan tepat bagi membolehkan kakitangan awam menikmati ganjaran setimpal dengan perkhidmatan yang mereka berikan.

Haji Yusuf berkata, skim ini juga memberi beberapa faedah kepada guru bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan mereka.

Di Kota Bharu, Ahli Majlis Tertinggi Kesatuan Kebangsaan Pekerja Perubatan, Encik Abdul Ghani Salleh, berkata pihaknya juga menyokong penuh dan puas hati dengan kenaikan itu.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan perlu mengawal peniaga daripada menaikkan harga barang sesuka hati berikutan pengumuman kenaikan itu.

Di Kuantan, pengumuman mengenai kenaikan gaji asas kakitangan awam disambut dengan gembira bercampur bimbang oleh kakitangan kerajaan walaupun secara keseluruhan mereka bersyukur dan berpuas hati.

Penolong Pegawai Pembangunan Pemasaran Fama, Encik Abdul Fatah Haji Abdullah, menganggap langkah kerajaan menaikkan gaji asas kakitangannya dan menyusun semula struktur perkhidmatan awam kena pada masanya.

Juruteknik Pertanian, Encik Kamaruddin Haji Abdul Wahid, 32, meminta kerajaan mengadakan kawalan lebih ketat bagi mengelakkan peniaga menaikkan harga barang dan upah perkhidmatan dengan sesuka hati.

Di Kuala Terengganu, Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Penguasa Tempatan Semenanjung Malaysia (Anulac) terkejut dengan keputusan kerajaan memberi pelbagai kemudahan kepada kakitangannya seperti diumumkan semalam.

Naib Pengerusi Anulac Terengganu, Encik Mustaffa Long, berkata keputusan

LIHAT MUKA 2

Kesatuan terkejut kerana banyak kemudahan

15 OKTOBER 1991

kerajaan memberi cuti untuk suami menjaga anak, cuti isteri bersalin, pemanjangan kemudahan perubatan untuk ibu bapa sah dan mengurangkan tempoh taraf berpencen adalah di luar dugaan kesatuan.

"Kesatuan terkejut apabila mendapati terlalu banyak kemudahan yang diberikan oleh kerajaan untuk kakitangannya kali ini," katanya.

Di Butterworth, orang ramai bimbang jika kerajaan tidak mengawal keadaan, golongan tidak bertanggungjawab akan menaikkan harga barang sesuai hati dengan alasan tidak munasabah.

"Kami meminta kerajaan mengambil langkah tegas dan menghukum mereka yang sengaja menanggung di air keruh," kata peniaga makanan di Nibong Tebal, Haji Ismail Abdul Rahman.

Di Tampin, Naib Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia, Encik Abdul Malek Itam, menyifatkan Sistem Saraan Baru perkhidmatan awam sebagai satu galakan bagi kakitangan kerajaan meningkatkan mutu perkhidmatan.

Beliau yang menyambut baik sistem baru itu, berkata ia akan mendorong kakitangan kerajaan bekerja lebih cergas.

Yang Dipertua Persekutuan Guru Lulusan Maktab (KKGLM) cawangan Negeri Sembilan, Encik Nordin Isa, berkata kesatuannya menyambut baik pengumuman Perdana Menteri itu.